

Jangan fitnah DBKL isu roboh kuil

KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk M Saravanan, memberi amaran keras kepada pihak dan individu yang tidak bertanggungjawab supaya jangan mempermainkan isu agama dengan memburukkan nama pihak berkuasa yang menjalankan tugas.

Belian berkata, ini kerana, ada pihak yang tidak bertanggungjawab cuba mengambil kesempatan menabur fitnah terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung proses meroboh tapak lama kuil Sri Bathrakaliaman, Jalan Masjid India, di sini.

"Saya terkejut dengan khidmat pesanan tulus (SMS) yang diterima di sini (kelmarin) berhubung DBKL telah robohkan sebahagian kuil dekat Sempajaya selain sebelah food court carpark."

"Sepatutnya pihak kuil memberi penjelasan kepada orang awam bahawa tapak asal kuil itu ialah rezab jalan.

Tindakan DBKL adalah untuk kemudahan orang ramai sekitar Masjid India kerana projek pelebaran jalan di kawasan itu sudah ditangguhkan sejak enam bulan lalu bagi memberi peluang kepada pihak pengurusan kuil berpindah ke tapak sebelah," katanya pada sidang media di tapak lama kuil itu, dekat sini, kelmarin.

Mengulas lanjut, Saravanan berkata, sebelum kuil ini dirobohkan, DBKL mengeluarkan notis kepada pihak pengurusan dengan meminta mengosongkannya bagi membuka laluan kepada projek pelebaran jalan, sebelum meminta ditangguhkan sebanyak dua kali.

Katanya, sewaktu proses penangguhan, pihak pengurusan mendakwa tidak mempunyai peruntukan dan kita (DBKL) memberi sebidang tanah, manakala Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu membiayai sebahagian kos dan sebahagian lagi daripada kutipan derma peniaga sekiri-



SARAVANAN (kiri) memberi penjelasan tindakan meroboh Kuil Sri Bathrakaliaman lama di Jalan Bonus 5 kepada sami, U Kanmani.

tar Masjid India

"Mereka meminta tempoh sehingga Jumaat lalu dengan alasan sembahyang perasmian kuil belum selesai dan aktiviti sempena perayaan Deepavali yang akan tiba. Malah DBKL turut menambah tiga hari lagi untuk tempoh penangguhan sehingga

hari ini (kelmarin).

"Justeru, tidak timbul isu DBKL bertindak kejam ataupun tidak berperikemanusiaan kerana mereka hanya bertindak adil dengan semua orang dan jika projek pelebaran jalan ditangguhkan lagi, kosnya akan bertambah," katanya.